

BAB 2 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

K1: Soalan Objektif

Arahan: Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

1. Berikut merupakan contoh undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu.

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-undang 99 Perak

Apakah kepentingan undang-undang tersebut ?
(Buku teks m.s. 22)

- A. Simbol perpaduan kaum
B. Lambang kemerdekaan negara
C. Lambang keagungan pemerintah
D. Bukti kewujudan undang-undang sebelum kedatangan kuasa Barat
2. Pada tahun 1959, Perlembagaan Sarawak telah memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada dua buah majlis. Apakah majlis tersebut ?
(Buku teks m.s.2 4)
- I. Majlis Kerja
II. Majlis Negeri
III. Majlis Tertinggi
IV. Majlis Undangan
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV
3. Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



Bangunan Parlimen Malaysia

Apakah peranan parlimen dalam pentadbiran negara kita ? (Buku teks m.s. 25)

- A. Memilih Perdana Menteri
B. Melantik Yang di-Pertuan Agong
C. Mengekalkan kedaulatan negara
D. Membentuk undang-undang negara

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

4. Jadual menunjukkan sejarah penggubalan Perlembagaan negeri Melayu di Tanah Melayu.
(Buku teks m.s. 26)

1946	
Negeri	Majlis
Negeri-negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	Majlis Persekutuan
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	X

Apakah badan X yang menggubal perlembagaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu ?
(Buku teks m.s. 26)

- A. Majlis Kerja
B. Majlis Diraja
C. Majlis Negeri
D. Majlis Tertinggi
5. Mengapakah perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap penting dalam perkembangan perlembagaan negara?
(Buku teks m.s. 26)
- A. Majlis raja-raja Melayu bersidang
B. Rakyat menyuarakan pandangan
C. Pembentukan sebuah persekutuan
D. Parlimen diberikan kuasa perundangan
6. Apakah terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ? (Buku teks m.s. 27)
- A. Kedudukan Bahasa Melayu
B. Kerajaan Negeri yang kukuh
C. Keistimewaan sah kaum lain
D. Kewarganegaraan yang sama

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

7. Maklumat berikut merujuk kepada kuasa pemerintahan.

- Membuat perantukan jawatan utama negara
- Mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang disabitkan kesalahan oleh mahkamah

Apakah kuasa pemerintahan tersebut ?

(Buku teks m.s. 28)

- A. Perdana Menteri
B. Badan Kehakiman
C. Yang di-Pertuan Negeri
D. Yang di-Pertuan Agong
8. Ah Heng dilahirkan di Pulau Pinang. Menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, apakah status kewarganegaraan Ah Meng di negeri Perak ? (Buku teks m.s. 28)
- A. Rakyat sultan
B. Rakyat British
C. Rakyat Persekutuan
D. Rakyat Pulau Pinang

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

9. Apakah yang menjadi asas perlembagaan baharu untuk Persekutuan Malaysia 1963 ?
(Buku teks m.s. 30)

- A. Undang-undang British
B. Undang-undang negeri Melayu
C. Perlembagaan Tanah Melayu 1957
D. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

10. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sejarah tanah air.

(Buku teks m.s. 31)

Tahun	Peristiwa
1965	Singapura keluar dari Malaysia

Bagaimanakah peristiwa tersebut dilaksanakan?

- A. Perjanjian pemisahan
B. Persetujuan pemimpin
C. Pindaan perlembagaan
D. Arahan Perdana Menteri